

Aura cinta Bangladesh

Perkosa dua beradik sejak setahun lalu bermodal ayat cinta

>>Oleh Raja Noraina
Raja Rahim

rnoraina@hmetro.com.my

AMPANG: Gara-gara terpedaya dengan ayat cinta dua lelaki Bangladesh, dua beradik perempuan dari Ukay Perdana, di sini, menjadi mangsa rogol dua lelaki berkenaan sejak setahun lalu.

Difahamkan, kedua-dua beradik berusia 14 dan 16 tahun itu dikatakan mula menjadi pemuas nafsu serakah kedua-dua suspek terbabit sejak setahun lalu sebelum mereka membuat laporan polis, kelmarin.

Menurut sumber, rahsia kisah cinta mangsa masih bersekolah dalam tingkatan dua dan empat sebuah sekolah menengah di sini, terbongkar apabila ibu mereka terserem-

pak anaknya keluar bersama dua lelaki warga asing itu.

Katanya, seorang daripada suspek terbabit dikatakan sering mengurut remaja berusia 16 tahun itu ketika pulang dari sekolah sebelum menjalin hubungan cinta.

Menurutnya, selepas beberapa bulan berkenalan, suspek mengatakan hasrat konon seorang rakannya juga mahu berkenalan dengan adik perempuan mangsa menyebabkan remaja itu memperkenalkan mereka.

Katanya, selepas itu, mereka dikatakan sering keluar bersama sebelum kedua-dua lelaki terbabit mula bertindak keji dengan mengajak teman wanitanya itu melayan nafsu serakah mereka.

Sumber berkata, bimbang rahsia terbongkar, suspek dikatakan mengugut kedua-dua

beradik itu tidak memberitahu keluarga, namun hubungan mereka akhirnya diketahuhi ibu mangsa.

“Ibu mangsa mulanya hairan melihat kedua-dua anak gadisnya keluar bersama lelaki terbabit sebelum bertanyakan perkara itu.

“Ibu mangsa terkejut apabila anak gadisnya menceritakan perbuatan tidak senonoh lelaki Bangladesh itu menyebabkan wanita berusia awal 40-an itu bertindak membawa mereka ke balai polis berhampiran untuk membuat laporan,” katanya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisyoner Amiruddin Jamaluddin mengesahkan penahanan kedua-dua suspek bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol.